

Analisis jenis-jenis watak dalam filem animasi 3d Malaysia: wheely (2018)

ABSTRAK

Malaysia memang tidak asing lagi dengan industri animasi 3D berikutan penghasilan filem-filem animasi tempatan yang semakin meningkat dan menembusi pasaran luar. Salah satunya ialah filem animasi tiga dimensi (3D), *Wheely* (2018) yang telah mencuri perhatian audiens kerana persamaannya dengan filem animasi terbitan Disney Pixar, iaitu *Cars* (2006). Walau bagaimanapun, plot cerita filem *Wheely* juga mempunyai tarikan tersendiri dan berbeza dengan plot cerita filem *Cars*. Setiap filem mengandungi watak-watak yang memainkan peranan penting agar plot cerita dapat disampaikan dengan baik kepada audiens. Menurut Vladimir Propp (1928), beliau telah mengenal pasti terdapat lapan karakter-karakter lazim yang boleh diaplikasikan hampir dalam kesemua cerita, literatur, filem, teater dan televisyen. Oleh itu, kertas kerja ini memfokuskan tentang analisis jenis-jenis watak dalam filem *Wheely* berdasarkan teori watak yang diperkenalkan oleh Vladimir Propp.